

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH AHMAD BADAWI
DI MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN HARI HARTA INTELEK NEGARA 2005
DI MELAKA INTERNATIONAL TRADE CENTRE, MELAKA
3 MAC 2005

YB DATUK MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

YAB DATO WIRA HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
KETUA MENTERI MELAKA

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

DR. GEOFREY YU
DEPUTY DIRECTOR-GENERAL, WORLD INTELLECTUAL PROPERTY ORGANIZATION

DR. ALBERTO CASADO CERVINO
EUROPEAN PATENT OFFICE

TUAN-TUAN, PUAN-PUAN, PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

1. ALHAMDULILLAH, SAYA BERSYUKUR KEHADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAN, KURNIA DAN IZINNYA KITA SAMA-SAMA DAPAT BERKUMPUL DI MAJLIS SAMBUTAN HARI HARTA INTELEK NEGARA YANG JULUNG-JULUNG KALI DIADAKAN INI. SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK KEMENTERIAN KERANA TELAH MEMBERI PENGHORMATAN KEPADA SAYA UNTUK MELANCARKAN SAMBUTAN YANG AMAT BERMAKNA INI.

2. KERAJAAN TELAH MEMUTUSKAN SUPAYA SAMBUTAN HARI HARTA INTELEK NEGARA DIADAKAN PADA 3 HARI BULAN MAC SETIAP TAHUN, BERMULA PADA TAHUN INI. KITA TELAH MEMILIH HARI INI SERTA BANDARAYA MELAKA YANG BERSEJARAH INI SEBAGAI TEMPAT PELANCARAN SAMBUTAN UNTUK MENUNJUKKAN KOMITMEN KERAJAAN KE ARAH MELINDUNGI DAN MEMELIHARA HAK HARTA INTELEK DI MALAYSIA.

3. HARI INI MERUPAKAN SATU PELUANG KHAS UNTUK MENDIDIK DAN MENYEDARKAN MASYARAKAT MALAYSIA AKAN KEPENTINGAN HARTA INTELEK SEBAGAI SALAH SATU PEMANGKIN KE ARAH PEMBANGUNAN EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN. SAMBUTAN INI JUGA MENANDAKAN PENGIKTIRAFAN KERAJAAN TERHADAP SEMUA SUMBANGAN YANG TELAH DIBERIKAN OLEH PEREKACIPTA DAN PENCIPTA DALAM MEMBANGUNKAN TEKNOLOGI, PENYELIDIKAN DAN INOVASI DI DALAM NEGARA.

4. SESUNGGUHNYA, BIDANG HARTA INTELEK INI MENYENTUH DAN MEMPENGARUHI KEHIDUPAN DI SETIAP LAPISAN MASYARAKAT. UMPAMANYA, KARYA-KARYA

BERHAKCIPTA SEPERTI MUZIK DAN FILEM YANG MENJADI MEDIUM HIBURAN KITA; KARYA SASTERA YANG MENAMBAH ILMU PENGETAHUAN KITA; REKABENTUK PERINDUSTRIAN YANG MERUBAH DUNIA KITA; DAN CAP DAGANGAN YANG MEMBERI KEYAKINAN TENTANG KUALITI PRODUK DAN PERKHIDMATAN DI PASARAN KITA. TAMBAHAN LAGI, PATEN-PATEN YANG ADA MEWUJUDKAN REKACIPTA DAN TEKNOLOGI TERBARU UNTUK KESELESAAN KEHIDUPAN KITA. DENGAN YANG DEMIKIAN, SAMBUTAN HARI INI MERUPAKAN SATU TITIK TOLAK KEPADA PENGIKTIRAFAN BIDANG HARTA INTELEK YANG DAHULUNYA MUNGKIN KURANG DIBERI PERHATIAN.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN,

5. KITA KINI BERADA DI ABAD KE 21 DIMANA ILMU PENGETAHUAN MERUPAKAN ASET YANG PALING PENTING DAN BERNILAI UNTUK MENJANA EKONOMI NEGARA. DI DALAM ABAD YANG PENUH DENGAN CABARAN DAN PERSAINGAN INI, RAKYAT MALAYSIA PERLU BERTINDAK UNTUK TERUS MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA MELALUI TRANSFORMASI DARIPADA EKONOMI BERASASKAN PEMBUATAN KEPADA EKONOMI BERASASKAN ILMU PENGETAHUAN. NILAI TAMBAH EKONOMI YANG BESAR BOLEH DIRAIH DARIPADA HASIL INOVASI DAN KREATIVITI DALAM PELBAGAI SEKTOR, TERUTAMANYA DALAM INDUSTRI YANG BERASASKAN SAINS DAN TEKNOLOGI, PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) SERTA TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI.

6. SALAH SATU LANGKAH YANG TELAH DIAMBIL KEARAH MEMBANGUNKAN INDUSTRI BERASASKAN ILMU PENGETAHUAN DALAM NEGARA ADALAH MELALUI PENUBUHAN KORIDOR RAYA MULTIMEDIA (M.S.C.) PADA SEPTEMBER 1996 YANG LALU. M.S.C. BERTINDAK SEBAGAI PEMANGKIN KEPADA INDUSTRI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI NEGARA. SELAIN ITU, KERAJAAN JUGA SEDANG MENGGIATKAN PELBAGAI INDUSTRI BERASASKAN BIOTEKNOLOGI. KESEMUA PENDEKATAN YANG DIAMBIL KE ARAH MEWUJUDKAN EKONOMI BERASASKAN ILMU INI AMAT BERGANTUNG KEPADA PEMBANGUNAN BIDANG HARTA INTELEK YANG KUKUH DAN TERJAMIN.

4. HARTA INTELEK ADALAH HASIL CIPTAAN DAYA FIKIRAN MANUSIA YANG MEMBAWA KEMAJUAN DAN KESENYANGAN KEPADA MASYARAKAT UMUM. HASIL CIPTAAN DAN PENYELIDIKAN YANG PRAKTIKAL DAN BERKESAN DAPAT MENINGKATKAN MUTU DAN MEMPELBAGAIKAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN. JUSTERU ITU, LANGKAH-LANGKAH WAJAR PERLU DIAMBIL UNTUK MEMBERI PERLINDUNGAN KEPADA CIPTAAN DAN PATEN YANG TERHASIL UNTUK MENGGALAKKAN CIPTAAN-CIPTAAN BARU YANG BERTERUSAN. PENGUATKUASAAN YANG TEGAS PERLU DIAMBIL UNTUK MELINDUNGI CIPTAAN-CIPTAAN TERSEBUT DARIPADA DIEKSPLORASI OLEH PIHAK-PIHAK YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB.

5. KEGIATAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) DI MALAYSIA, SAMA ADA DALAM SEKTOR SWASTA MAHUPUN AWAM, PERLU DITINGKATKAN LAGI. OLEH ITU, PERLINDUNGAN SERTA PEMBANGUNAN HARTA INTELEK YANG BAIK MERUPAKAN PEMANGKIN UNTUK MEMPERKUKUHKAN KEGIATAN R&D DI DALAM NEGARA, DENGAN MEMASTIKAN PIHAK YANG BERKENAAN DAPAT MEMANFAATKAN

PELABURAN R&D MEREKA DAN MERAH PULANGAN YANG MEMUASKAN. SELAIN ITU, LANSKAP HARTA INTELEK YANG KUKUH DAPAT MENARIK LEBIH RAMAI PELABUR ASING KE MALAYSIA SERTA MEMBERI RUANG UNTUK "TECHNOLOGY TRANSFER" YANG LEBIH CEPAT DAN BERKESAN. LANSKAP HARTA INTELEK YANG STABIL JUGA DAPAT MENGGALAKKAN LEBIH BANYAK TRANSAKSI PERNIAGAAN BERLAKU DALAM BIDANG-BIDANG YANG BERKAITAN DENGAN PENGGUNAAN HARTA INTELEK.

6. PERLINDUNGAN HARTA INTELEK TIDAK HARUS DIPANDANG REMEH OLEH MASYARAKAT MALAYSIA. PERLINDUNGAN TERSEBUT SEMAKIN PENTING TERUTAMANYA APABILA MALAYSIA KIAN MELANGKAH KE TAHAP PEMBANGUNAN YANG LEBIH BERASASKAN JARINGAN PENGETAHUAN DAN ASPEK NILAI DITAMBAH. JIKA MALAYSIA KINI MAMPU MERANCANG, MEREKACIPTA DAN MENGELUARKAN PRODUK TERSENDIRI, MAKA HARTA INTELEK YANG MENUNJANGI PRODUK TERSEBUT HARUS DILINDUNGI DENGAN BAIK. INI MEMBOLEHKAN GANJARAN DARIPADA INOVASI DAN PENYELIDIKAN DAPAT DIRAIH DENGAN SEPENUHNYA OLEH PARA PENGELUAR TEMPATAN.

7. PADA MASA LALU, TIDAK BANYAK KAJIAN DIJALANKAN OLEH NEGARA-NEGARA DI DUNIA UNTUK MENELITI SEJAUH MANAKAH HARTA INTELEK MENYUMBANG TERHADAP PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI NEGARA MASING-MASING. NAMUN SEJAK KEBELAKANGAN INI, BEBERAPA BUAH NEGARA TELAH MULA SERIUS AKAN POTENSI HARTA INTELEK SEBAGAI SATU ASET PENTING YANG DAPAT MENJANA PEMBANGUNAN EKONOMI DENGAN KETARA DAN BERKESAN. CONTOHNYA DI AMERIKA SYARIKAT, SALAH SATU PENJANA EKONOMI TERPENTING SEKARANG IALAH INDUSTRI BERASASKAN HAKCIPTA, YANG MANA INDUSTRI HARTA INTELEK DI SITU TELAH BERKEMBANG DENGAN PESAT BERBANDING DENGAN INDUSTRI-INDUSTRI YANG LAIN.

8. DI PERINGKAT ANTARABANGSA, TERDAPAT BEBERAPA CAP DAGANGAN TERNAMA YANG MELAMBANGKAN KEMAJUAN SESEBUAH NEGARA. APABILA DISEBUT SESUATU JENAMA, MAKA IA TERUS SAHAJA DIKAITKAN DENGAN NEGERA TERTENTU. MISALNYA, JENAMA NOKIA MENGHARUMKAN NEGARA FINLAND, JENAMA SAMSUNG DIKAITKAN DENGAN REPUBLIK KOREA, SEMENTARA SONY, MATSUSHITA DAN TOYOTA DI ANTARA JENAMA LAIN YANG MEMBANGGAKAN NEGARA JEPUN DI PERINGKAT ANTARABANGSA. DI MALAYSIA, JENAMA SEPerti PETRONAS DAN SELANGOR PEWTER TELAH MEMPERKENALKAN MALAYSIA KE SELURUH DUNIA. KITA PERLU YAKIN BAHAWA PEMBANGUNAN HARTA INTELEK DI MALAYSIA MEMPUNYAI POTENSI YANG BESAR UNTUK MENGHASILKAN JENAMA TEMPATAN YANG MAMPU BERSAING DI ARENA ANTARABANGSA.

9. SELARAS DENGAN POTENSI INI, KERAJAAN TELAH MENYEDIKAKAN PERUNTUKAN UNTUK MEMAJUKAN JENAMA-JENAMA TEMPATAN. SAYA MENYERU AGAR PELUANG DAN INSENTIF-INSENTIF YANG DISEDIAKAN INI DAPAT DIGUNAKAN DENGAN SEPENUHNYA UNTUK SAMA-SAMA KITA BANGUNKAN HARTA INTELEK TEMPATAN. INI DENGAN SECARA LANGSUNGNYA DAPAT MENGHARUMKAN NAMA MALAYSIA DI MATA DUNIA MELALUI JENAMA-JENAMA YANG TERKENAL DI PERINGKAT ANTARABANGSA.

10. BEBERAPA NEGARA LAIN YANG TELAH MENGENALPASTI KEPENTINGAN BIDANG HARTA INTELEK TELAH PUN MEWUJUDKAN MATA PELAJARAN HARTA INTELEK DALAM PROGRAM-PROGRAM PENDIDIKAN MEREKA. SAYA DIMAKLUMKAN KOREA SELATAN TELAH MELATIH SERAMAI 2,000 ORANG DALAM BIDANG HARTA INTELEK BAGI TEMPOH 1987-1994, DAN SAYA YAKIN ANGKA INI TELAH BERTAMBAH PADA MASA KINI. OLEH ITU, SELAIN MENYEDIAKAN INSENTIF PERUNTUKAN, KERAJAAN BERPENDAPAT SUDAH TIBA MASANYA BAGI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI TEMPATAN UNTUK TURUT MEMAINKAN PERANAN DALAM MENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN HARTA INTELEK NEGARA. WALAUPUN ADA I.P.T. YANG TELAH MENGORAK LANGKAH MEWUJUDKAN PROGRAM PENGAJIAN DALAM BIDANG HARTA INTELEK, NAMUN KEPERLUAN PAKAR DALAM BIDANG INI MASIH BELUM MENCUKUPI DAN PERLU DITEROKAI DENGAN LEBIH MELUAS LAGI. SELAIN ITU, SEKTOR GUAMAN JUGA HARUS MEMAINKAN PERANAN UNTUK MENYEDIAKAN KEPAKARAN DAN GUNATENAGA GUAMAN YANG MENCUKUPI UNTUK MENGENDALIKAN TRANSAKSI-TRANSAKSI YANG BERLANDASKAN HARTA INTELEK.

11. SETERUSNYA KITA PERLU MEMODENKAN LAGI SISTEM PENGURUSAN HARTA INTELEK DALAM NEGARA SELARAS DENGAN PIAWAIAN YANG BERTARAF DUNIA. PEMODENAN INI MEMBOLEHKAN ORANG RAMAI MEMFAILKAN PERMOHONAN HARTA INTELEK DENGAN LEBIH MUDAH DAN EFISIEN. MAKLUMAT- MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN OLEH ORANG RAMAI JUGA PERLU DIBEKALKAN DENGAN PANTAS DAN SECARA TERPERINCI. UNTUK MENCAPAI KEHENDAK INI, SATU PANGKALAN DATA YANG SENTIASA DIKEMASIKINIKAN PERLU DIWUJUDKAN. SELAIN TUJUAN MEMBEKALKAN MAKLUMAT, PENGKALAN DATA INI JUGA DAPAT MENJADI DIREKTORI UNTUK PARA PELABUR MENGENALPASTI HARTA INTELEK YANG BOLEH DIKOMERSILKAN.

12. PARA PENGELUAR HARTA INTELEK ITU SENDIRI JUGA HARUSLAH LEBIH PROGRESIF DAN DINAMIK. MEREKA HARUS BERGIAT UNTUK MEMPERLUAS DAN MENDALAMI PENGGUNAAN HARTA INTELEK DALAM BIDANG-BIDANG BARU DARI MASA KE SEMASA. DI SEMUA NEGARA DI DUNIA, PERLINDUNGAN KOMPREHENSIF DIBERIKAN KEPADA BIDANG SEPERTI HAKCIPTA, CAP DAGANGAN, PATEN, REKABENTUK PERINDUSTRIAN, REKABENTUK SUSUNATUR LITAR BERSEPADU DAN JUGA PETUNJUK GEOGRAFI. NAMUN BIDANG-BIDANG SEPERTI SUMBER GENETIK, PENGETAHUAN TRADISI DAN CERITA RAKYAT MASIH BELUM DIBERIKAN PERHATIAN YANG SERIUS. KEADAAN INI PERLU DIPERBETULKAN DENGAN SEGERA, BUKAN HANYA UNTUK MELINDUNGI WARISAN KITA, MALAH KERANA PERKARA-PERKARA INI MERUPAKAN SUMBER KEKAYAAN KITA YANG DAPAT DIBANGUNKAN UNTUK KEMAJUAN SEMUA.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

13. SAYA BERHARAP SAMBUTAN HARI HARTA INTELEK NEGARA 2005, YANG BERTEMAKAN "HARTA INTELEK – PENJANA EKONOMI MASAKINI", AKAN MEMBUKA FIKIRAN KITA SEMUA. SAYA YAKIN SEMINAR DAN EKSPLO yang telah dianjurkan ini akan memainkan peranan penting dalam mewujudkan satu anjakan paradigma atau "mindset" baru di kalangan rakyat Malaysia tentang peri pentingnya harta intelek dalam pembangunan negara. Kita semua

PERLU BERGANDING BAHU UNTUK MELINDUNGI DAN MEMELIHARA SUMBER KEKAYAAN YANG AMAT BERHARGA INI.

14. MAKA DENGAN HARAPAN TERSEBUT, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MELANCARKAN SAMBUTAN HARI HARTA INTELEK NEGARA TAHUN 2005.

TERIMA KASIH.